

| | | | |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | WI Pahang bakal tuan rumah | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 04 Oct 2022 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 112,705 |
| Page No | 21 | Readership | 338,115 |
| Language | Malay | ArticleSize | 365 cm ² |
| Journalist | Oleh Amir Abd Hamid | AdValue | RM 14,324 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,972 |



PERSIDANGAN PERSATUAN WANITA DESA SEDUNIA KE-30

WI Pahang bakal **tuan rumah**

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@
mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Pahang bakal menjadi tuan rumah Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) ke-30 di Malaysia, tahun depan.

Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang juga Pengerusi WI Pahang bertitah, persidangan itu akan bermula dari 17 Mei hingga 25 Mei 2023 di Hotel Marriot di Putrajaya yang dijangka dihadiri 500 ahli ACWW dari seluruh dunia.

"Persidangan sepatutnya berlangsung di Pahang, tetapi oleh kerana saya di sini (ibu negara) maka ia dibawa ke sini dan akan diadakan di Putrajaya Marriot Hotel," ti-



RAJA Permaisuri Agong bertitah pada sidang media bersama rakan strategik sempena Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) ke-30 di Rumah Kelab Istana Negara, semalam.

tah baginda dalam sidang media bersama rakan strategik persidangan itu di Rumah Kelab, Istana Negara, di sini, semalam.

Untuk rekod, ACWW adalah pertubuhan antarabangsa beribu pejabat di London, United Kingdom yang ditubuhkan pada 1929.

Tunku Azizah bertitah, sebagai syarat pengendalian, tuan rumah dimestikan untuk mengutamakan sebanyak mungkin kebudayaan Malaysia dalam program sampingan.

"Bagi memenuhi ketetapan menganjurkan lawatan sehari, WI Pahang merancang empat pakej yang sudah dikemukakan dan dipersejuti oleh Lembaga Pemegang Amanah ACWW.

"Lawatan tapak juga sudah dilakukan pada Januari 2022 oleh Presiden Dunia, Magdie De Kock; Timbalan Presiden Dunia, Alison Bur-

nett; Pengarah Eksekutif ACWW, Tish Collins dan Pengarah Advokasi dan Komunikasinya, Nick Newland.

"Tempat lawatan sehari adalah Kompleks Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia di Gombak, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia di Kepong, Institut Kraf Negara, Rawang dan Universiti Multimedia, Cyberjaya," titahnya.

Titah baginda lagi, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Bilah Shah dijangka menyampaikan ucapan pada persidangan itu.

Pada 5 Julai lalu, Tunku Azizah berkenan merasmikan Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia ke-13 bagi kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh, di sebuah hotel di Sarawak.